

NO. SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH

TARIKH : 10 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9372

SOALAN:

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa kes tembakan semakin menjadi- jadi di negara ini serta jumlah kes tembakan yang telah berjaya diselesaikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) amat peka tentang apa jua situasi keselamatan dan ketenteraman awam yang berlaku dalam negara khususnya perlakuan jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api. Umum mengetahui bahawa kebanyakan senjata api haram yang berada dalam negara dipercayai diseludup masuk ke negara.

Statistik kes bunuh, cubaan membunuh dan samun yang melibatkan penggunaan senjata api yang berlaku di seluruh negara bagi tahun 2014 sehingga September 2016 adalah seperti berikut:-

KES JENAYAH	JUMLAH KES	KES SELESAI
BUNUH BERSENJATAPI	105	61
CUBA BUNUH BERSENJATAPI	117	57
SAMUN BERSENJATAPI	27	4
JUMLAH	249	122

Hasil daripada soal siasat dan risikan yang dijalankan oleh pihak polis, faktor yang mendorong pemilikan senjata api haram oleh penjenayah seperti berikut:-

- i) Kaedah penyeludupan senjata api telah berubah daripada penyeludupan secara lengkap kini dengan**

menyeludup secara "*pieces by pieces*" ke dalam negara ini dan dipasang semula dalam negara. Keadaan ini lebih menyukarkan pihak berkuasa untuk mengesan aktiviti berkenaan terutama senjata api bersaiz kecil seperti pistol dan *revolver* walaupun kita mempunyai kawalan yang ketat di pintu-pintu masuk dan kawasan di sempadan. Pihak polis perlu mendapatkan maklumat dan risikan yang tepat bagi mengesan senjata api berkenaan. Keadaan ini memudahkan senjata api dibawa masuk ke dalam negara;

- ii) Terdapat senjata api haram yang terapung di dalam negara yang disembunyikan oleh penjenayah-penjenayah yang ditangkap di bawah Ordinan Darurat (EO) dahulu, atau yang telah bebas dari penjara telah digunakan semula oleh penjenayah berkenaan;
- iii) Senjata api terpakai dari luar negara yang boleh dibeli dengan harga yang berpatutan meningkatkan keupayaan penjenayah membeli senjata api berkenaan. Di samping itu, aktiviti pengedaran dadah dalam kuantiti yang tertentu secara "pakej" akan diberikan senjata api atau bom tangan sebagai pelindung kepada sindiket; dan
- iv) Terdapatnya aktiviti pembunuh upahan dalam negera menyebabkan senjata api mendapat permintaan yang tinggi dan menarik minat sindiket menyeludup senjata api ke dalam negara.

Kementerian telah mengambil langkah proaktif bagi memperketatkan kawalan di sempadan dengan menubuhkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dengan mengabungkan semua agensi penguatkuasa di sempadan seperti Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bekas anggota Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) supaya tindakan pencegahan dapat dilaksanakan dengan lebih holistik dan bersepadu bagi mengekang ancaman dari anasir luar dan juga aktiviti penyeludupan termasuk senjata api.